

## **BAB 4**

### **ANALISIS KAJIAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab ini akan membentangkan hasil analisis, data kajian dan huraianya yang diperolehi daripada responden melalui soal selidik berdasarkan kepada soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan. Dapatan kajian dibentangkan mengikut bahagian-bahagian tertentu berdasarkan kepada analisis diskriptif. Melalui analisis diskriptif ini, peratusan, min dan taburan skor digunakan bagi menjelaskan maklumat berkaitan latar belakang responden, pendapat responden berkaitan pembelajaran dan pengajaran BA serta penguasaan dalam tajuk kajian iaitu *maf'u:l bih* BA.

#### **4.1 Latar Belakang Responden**

Bahagian ini membentangkan maklumat mengenai latar belakang responden secara umum, berdasarkan jantina, bangsa, umur, pekerjaan ibu bapa serta dorongan untuk mempelajari BA. Responden kajian terdiri daripada 80 orang responden yang sedang menuntut di Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) Kuantan.

Latar belakang responden adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual 4.1 dan jadual 4.2 iaitu sebanyak 24 responden (30%) adalah responden lelaki dan 56 responden (70%) adalah responden perempuan. Daripada aspek umur pula, didapati 02 orang responden (2.5%) berusia 20 tahun dan 78 orang responden (97.5%) berusia 19 tahun. Walaupun berbeza usia, tetapi kesemua responden merupakan penuntut di tahun dua semester pertama di lokasi kajian.

**JADUAL 4.1: Maklumat Latar Belakang Responden Mengikut Jantina**

<b>Latar Belakang Responden</b>		
<b>Jantina</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	24	30%
Perempuan	56	70%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>

**JADUAL 4.2: Maklumat Latar Belakang Responden Mengikut Umur**

<b>Umur</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
20 tahun	02	2.5%
19 tahun	78	97.5%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>

Dapatan menunjukkan latar belakang pekerjaan bapa para responden mengikut urutan adalah seperti berikut; 11 orang daripada bapa para responden merupakan guru, 26 orang bekerja sendiri sama ada sebagai petani, penoreh getah dan sebagainya, 12 orang terlibat dengan bidang perniagaan, 06 orang merupakan pekerja dalam sektor sokongan sebagai kerani, 07 orang merupakan pesara, 05 orang terlibat dengan pasukan keselamatan sama ada sebagai anggota tentera atau polis, 04 orang terlibat dengan sektor perkilangan dan 06 orang merupakan golongan profesional yang terdiri daripada 03 orang pegawai kerajaan dan seorang pensyarah, eksekutif, dan pengurus. 03 orang responden didapati tidak menyatakan pekerjaan bapa mereka.

Manakala bagi ibu-ibu para responden pula: 42 orang merupakan suri rumah yang tidak bekerja, 35 orang mempunyai pekerjaan lain di luar rumah dan 03 orang responden tidak menyatakan pekerjaan ibu mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa para responden datang daripada latar belakang keluarga yang berbeza-beza.

Daripada aspek dorongan mempelajari BA pula, sejumlah 40 responden (50%) menyatakan mereka mempelajari BA atas dorongan dan saranan ibu bapa manakala bakinya sebanyak 34 responden (42.5%) menyatakan mereka mempelajarinya atas dasar minat dan dorongan diri masing-masing. 06 orang responden (07.5%) yang menyatakan bahawa mereka memilih BA atas dorongan guru-guru semasa di sekolah rendah ataupun atas dorongan rakan-rakan.

Responden yang menyatakan dorongan mempelajar BA atas dasar minat diri sendiri telah diminta menyatakan sumber dorongan tersebut. Empat pilihan jawapan telah diberikan iaitu melalui pembacaan dan media massa, latar belakang keluarga, ingin mendalami ilmu agama dan ingin menguasai bahasa kedua. Dapatan kajian berkaitan sumber dorongan mempelajari BA dinyatakan dalam jadual 4.3 di bawah.

**JADUAL 4.3: Sumber Dorongan Mempelajari BA**

<b>Sumber Dorongan</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Melalui pembacaan dan media massa	1	2.94%
Latar belakang keluarga	5	14.70%
Ingin mendalami ilmu agama	26	76.47%
Ingin menguasai bahasa kedua	2	5.88%
<b>Jumlah</b>	<b>34</b>	<b>100%</b>

Melalui dapatan kajian, didapati 26 responden (76.47%) menyatakan mereka berminat dengan pembelajaran BA kerana faktor ingin mendalami ilmu agama, 05 responden (14.70%) menyatakan mereka berminat mempelajari BA atas dasar latar belakang keluarga, 02 responden (5.88%) menyatakan berminat kerana faktor ingin menguasai bahasa kedua dan 01 orang responden (2.94%) menyatakan dia memperoleh dorongan melalui pembacaan dan media massa. Daripada dapatan ini, didapati bahawa faktor keinginan untuk mendalami ilmu agama adalah merupakan faktor terbesar yang telah menarik minat para responden untuk memasuki aliran agama dan mempelajari BA, selain daripada faktor-faktor lain seperti yang telah dinyatakan.

## **4.2 Pembelajaran Dan Pengajaran BA**

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian bagi mengetahui tahap minat responden dengan pembelajaran BA secara keseluruhan serta tajuk kajian secara khusus. Begitu juga dengan pandangan mereka mengenai penguasaan beberapa kemahiran asas BA. Sebanyak 16 item telah digunakan untuk mengenal pasti pandangan responden mengenai proses pengajaran dan pembelajaran BA ini.

### **4.2.1 Tahap Minat Responden Dengan Pembelajaran Ilmu Nahu**

Jadual 4.4 menunjukkan tahap minat para responden terhadap pembelajaran ilmu nahu BA yang telah mereka tempuhi selama mempelajari BA di sekolah. Daripada jadual yang dibentangkan, didapati tahap minat para responden dengan pembelajaran nahu BA ini berada di tahap yang sederhana sahaja.

Skor terkumpul tertinggi para responden berada di tahap sederhana iaitu sebanyak 45%, manakala yang menyatakan minatnya amat tinggi hanya 13.75% sahaja. Responden yang menyatakan minatnya tinggi pula sebanyak 15%. Manakala 26.25% responden menyatakan minat mereka dengan pembelajaran nahu BA berada pada tahap rendah.

**JADUAL 4.4: Tahap Minat Dengan Pembelajaran Ilmu Nahu BA**

<b>Skor</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Amat tinggi	11	13.75%
Tinggi	12	15%
Sederhana	36	45%
Rendah	21	26.25%
Tidak menjawab	0	0%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>

Untuk menjawab persoalan mengapa skor terkumpul responden lebih besar di tahap sederhana dan rendah ini, alasan responden berkaitan dengan pembelajaran nahu BA diambil kira. Melalui dapatan daripada alasan yang diberikan oleh responden yang menyatakan minat mereka berada di tahap sederhana atau lemah ini, didapati 11 orang responden menyatakan tidak memahami pengajaran nahu, 12 responden menyatakan sukar untuk menguasai ilmu nahu, 10 orang responden menyatakan kurang berminat dengan pembelajaran, 14 orang menyatakan keliru dengan pembelajaran berkaitan, 07 orang responden menyatakan pengajaran guru kurang menarik. 02 orang menyatakan tiada dorongan untuk belajar dan seorang menyatakan belajar hasil daripada suruhan ibu bapa, bukannya minat sendiri.

#### 4.2.1.1 Alasan Yang Dikemukakan Responden Yang Mempunyai Tahap Minat Sederhana dan Rendah

Jadual 4.5 di bawah menunjukkan taburan alasan yang telah dikemukakan oleh responden yang mempunyai tahap minat yang sederhana dan rendah terhadap pembelajaran nahu.

**JADUAL 4.5: Taburan Alasan Yang Dikemukakan Responden Yang Mempunyai Tahap Minat Sederhana dan Rendah**

<b>Alasan dikemukakan</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Tidak faham pengajaran	11	19.3%
Sukar menguasai pengajian nahu BA	12	21.05%
Kurang berminat dengan pengajaran	10	17.55%
Keliru dengan pembelajaran berkaitan	14	24.55%
Pengajaran guru kurang menarik	07	12.3%
Tiada dorongan belajar	02	3.5%
Belajar atas kehendak ibu bapa	01	1.75
<b>Jumlah</b>	<b>57</b>	<b>100%</b>

Kesimpulan yang boleh dibuat daripada alasan-alasan yang telah dinyatakan oleh setiap responden ini ialah faktor guru juga banyak menyumbang ke arah menurunnya minat para responden dalam mempelajari nahu BA. Kebanyakan alasan yang diberikan menjuruskan ke arah kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti tidak memahami pengajaran guru, kurang berminat dengan pembelajaran, pengajaran tidak menarik, keliru dengan pembelajaran dan tiada dorongan untuk belajar. Justeru, sesuatu perlu dilakukan bagi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran BA sentiasa menarik minat dan tumpuan para responden untuk belajar dan menguasai topik berkaitan dengan ilmu nahu ini.

#### 4.2.2 Tahap Minat Responden Dengan Tajuk Kajian

*Maf'ul bih* adalah merupakan salah satu topik perbincangan dalam ilmu nahu. Oleh yang demikian, dapatan soal selidik berkaitan dengan tahap minat berkenaan dengan topik kajian ini selaras dengan dapatan soal selidik tahap minat responden terhadap mata pelajaran nahu. Peratus responden yang menyatakan minat mereka amat tinggi hanya 3.75% sahaja iaitu seramai 03 orang responden, manakala yang menyatakan minat mereka adalah tinggi ialah sebanyak 8.75% sahaja iaitu seramai 07 orang responden. Skor terbesar ialah pada tahap sederhana iaitu sebanyak 71.25% iaitu seramai 57 orang responden. Manakala 16.25% responden menyatakan minat mereka mengenai tajuk kajian adalah di tahap rendah iaitu seramai 13 orang responden. Jadual 4.6 menunjukkan dapatan soal selidik mengenai tahap minat responden dengan tajuk kajian *maf'ul bih* dalam BA.

**JADUAL 4.6: Tahap Minat Responden Dengan Tajuk Kajian**

<b>Skor</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Amat tinggi	03	3.75%
Tinggi	07	8.75%
Sederhana	57	71.25%
Rendah	13	16.25%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>

#### 4.2.2.1 Alasan Responden Mengenai Tahap Minat Responden Terhadap Tajuk Kajian Berada Pada Tahap Yang Rendah

Minat responden dalam mempelajari tajuk *maf'u:l bih* adalah berada pada tahap yang rendah. Faktor sesuatu struktur ayat dalam BA khususnya, begitu juga dalam bahasa-bahasa lain amnya telah dikira lengkap dan memberi makna walaupun tidak terdapat *maf'u:l bih* dalam struktur ayat tersebut. Perkara ini telah menjadi penyumbang kepada kurang berminat responden untuk menjadikan perbincangan *maf'u:l bih* sebagai satu tajuk yang penting pada pandangan mereka. 20% mempelajarinya disebabkan ingin memahami BA dengan baik. 15% disebabkan kerana ingin membaca dan memahami buku berbahasa Arab dengan baik. 10% kerana mengikut kawan. Dan 55% tidak menjawab bagi menunjukkan mereka tidak begitu berminat dengan pembelajaran tajuk kajian. Jadual 4.7 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.7: Alasan Responden Mengenai Tahap Minat Responden Terhadap Tajuk Kajian Berada Pada Tahap Yang Rendah**

<b>Skor</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Boleh memahami BA dengan tepat dan baik	16	20%
Memahami buku berBA dengan baik	12	15%
Ikut kawan	08	10%
Tidak menjawab	44	55%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>



#### 4.2.2.2 Alasan Responden Terhadap Tahap Kurang Berminat Mereka Terhadap Tajuk Kajian

Manakala alasan responden terhadap tahap kurang minat mereka kepada tajuk kajian, 40% mengatakan adalah disebabkan pembelajarannya agak mengelirukan, 30% menyatakan kerana sukar diingati, 10% tiada motivasi diri dan 20% disebabkan pengajarannya membosankan. Jadual 4.8 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.8: Alasan Responden Terhadap Tahap Kurang Berminat Mereka Terhadap Tajuk Kajian**

<b>Skor</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Mengelirukan	16	20%
Sukar diingati	12	15%
Memبosankan	08	10%
Tiada motivasi diri	44	55%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>

#### 4.2.3 Kepentingan Menguasai *Maf'u:l Bih* Dalam Komunikasi Dengan Orang Yang Berbahasa Arab

Mengenai kepentingan menguasai *maf'u:l bih* dalam komunikasi dengan orang yang berbahasa Arab. Sebanyak 04 orang responden menyatakan sangat perlu, 16 orang responden menyatakan perlu, 44 orang responden menyatakan tidak perlu, manakala 16 orang responden menyatakan tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa para responden menyedari kepentingan menguasai *maf'u:l bih* untuk memudahkan komunikasi harian mereka ketika bertutur atau menggunakan BA. Jadual 4.9 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.9: Mengenai Kepentingan Menguasai Maf'u:l Bih Dalam Komunikasi Dengan Orang Yang Berbahasa Arab**

<b>Skor</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Sangat perlu	4	05%
Perlu	16	20%
Tidak perlu	44	55%
Tidak pasti	16	20%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>

#### **4.2.4 Pendapat Responden Mengenai Tahap Meguasai Pembelajaran Tajuk Maf'u:l Bih**

Para responden juga diminta menyatakan pendapat mereka mengenai pembelajaran tajuk *maf'u:l bih* ini. Dapatan kajian menunjukkan 05% responden menyatakan tajuk ini sangat senang dikuasai, 30% responden menyatakan tajuk ini senang dikuasai, 60% responden menyatakan susah dikuasai dan 05% responden menyatakan sangat susah dikuasai. Jadual 4.10 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.10: Menyatakan Pendapat Responden Mengenai Tahap Menguasai Pembelajaran Tajuk Maf'u:l Bih**

<b>Skor</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Sangat senang dikuasai	4	05%
Senang dikuasai	24	30%
Susah dikuasai	48	60%
Sangat susah dikuasai	4	05%
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100%</b>

#### 4.2.4.1 Pendapat Responden Mengenai Punca Sukar Mempelajari dan Menguasai Tajuk Maf'u:l Bih

Pendapat responden mengenai punca sukar mempelajari dan menguasai tajuk *maf'u:l bih* pula, 60% menyatakan sukar untuk menentukan *fi'l muta'addy* atau *fi'l la:zim* yang betul dalam sesuatu struktur ayat kerana gagal memahami makna perkataan. 25% menyatakan berpunca daripada menentukan bilangan *maf'u:l bih* yang terdapat dalam sesuatu struktur ayat kerana kebarangkalian terdapat banyak perkataan yang bertindak sebagai *maf'u:l bih* dalam sesuatu struktur ayat. 10% responden menyatakan mereka keliru dengan kedudukan *maf'u:l bih* dalam sesuatu struktur ayat sama ada ia terletak dipermulaan struktur ayat, di tengah atau di hujung ayat. Dan 05% pula menyatakan sukar menentukan *maf'u:l bih* dalam sesuatu struktur ayat apabila perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* itu telah berubah daripada kata tunggal (*mufrad*) kepada kata nama pendua (*muthanna*) atau kata nama jama' (*jama'*). Jadual 4.11 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.11: Pendapat Responden Mengenai Punca Sukar Mempelajari dan Menguasai Tajuk Maf'u:l Bih**

Skor	Jumlah	Peratus
Sukar membezakan <i>fi'l muta'addy</i> dan <i>fi'l la:zim</i> dalam ayat	4	05%
Sukar mengenalpasti bilangan <i>maf'u:l bih</i> yang ada dalam ayat	24	30%
Keliru ketika menentukan perkataan yang menjadi <i>maf'u:l bih</i> dalam ayat	48	60%
Sukar meletakkan perkataan yang sesuai menjadi <i>maf'u:l bih</i> dalam ayat	4	05%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>

#### 4.2.4.2 Pendapat Responden Mengenai Bahagian Yang Paling Kerap Dilakukan Kesilapan Dalam Tajuk Maf'u:l Bih

Mengenai bahagian yang paling kerap dilakukan kesilapan dalam tajuk *maf'u:l bih* pula; 55% menyatakan kesukaran mengenalpasti antara *fi'l muta'addy* dengan *fi'l la:zim* yang betul. Lebih-lebih lagi ketika mana dalam ayat berkaitan terdapatnya *maf'u:l bih* tetapi ianya telah dibuang dalam struktur ayat tersebut contohnya: رَعَتْ الْمَاشِيَةَ sedangkan struktur sebenar ayat tersebut ialah رَعَتْ الْمَاشِيَةَ عُشْبًا terjemahannya (Telah meragut haiwan itu akan rumput). Iaitu wujudnya perkataan عُشْبًا yang menjadi *maf'u:l bih* yang tidak ditulis dalam ayat tersebut. 15% menyatakan kesukaran untuk menentukan *maf'u:l bih* dengan betul dalam sesuatu struktur ayat terutama apabila *maf'u:l bih* dalam bentuk kata ganti nama (*dami:r*), ketika dalam bentuk penukaran kod diantara kata tunggal (*mufrad*) kepada kata nama pendua (*muthanna*) atau kepada kata nama jama' (*jama'*) dan ketika ingin menentukan *maf'u:l bih* dalam struktur ayat-ayat al-Qur'a:n. 20% menyatakan kesukaran untuk menentukan bilangan *maf'u:l bih* yang terdapat dalam sesuatu struktur ayat dan 10% menyatakan kesukaran untuk melengkapkan struktur ayat dengan membina *maf'u:l bih* yang sesuai. Jadual 4.12 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.12: Pendapat Responden Mengenai Bahagian Yang Paling Kerap Dilakukan Kesilapan Dalam Tajuk Maf'u:l Bih**

Skor	Jumlah	Peratus
Mengenal pasti <i>fi'l muta'addy</i> dan <i>fi'l la:zim</i> yang betul	48	60%
Menentukan <i>maf'u:l bih</i> dengan betul dalam ayat	12	15%
Menentukan bilangan <i>maf'u:l bih</i> yang terdapat dalam ayat	12	15%
Membina ayat daripada sesuatu perkataan untuk dijadikan <i>maf'u:l bih</i>	4	05%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>

#### 4.2.4.3 Tahap Perersetujuan Responden Bahawa Kelemahan Dalam Memahami Tajuk Maf'u:l Bih Adalah Disebabkan Faktor Kemahiran Dan Pengalaman Tenaga Pengajar.

Responden turut disoal selidik adakah mereka bersetuju bahawa kelemahan dalam memahami tajuk *maf'u:l bih* adalah disebabkan faktor kemahiran dan pengalaman tenaga pengajar. 10% mengatakan amat bersetuju, 20% memilih jawapan bersetuju, 50% menyatakan tidak bersetuju dan 20% memilih jawapan amat tidak bersetuju. Jadual 4.13 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.13: Tahap Perersetujuan Responden Bahawa Kelemahan Dalam Memahami Tajuk Maf'u:l Bih Adalah Disebabkan Faktor Kemahiran Dan Pengalaman Tenaga Pengajar.**

Skor	Jumlah	Peratus
Amat Setuju	08	10%
Setuju	16	20%
Tidak Bersetuju	40	50%
Amat Tidak Bersetuju	16	20%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>

#### 4.2.4.4 Tahap Perersetujuan Responden Bahawa Kelemahan Dalam memahami tajuk Maf'u:l Bih Adalah Disebabkan Faktor Alat Bantu Mengajar Atau Modul Yang Digunakan Oleh Tenaga Pengajar.

Responden turut ditanya persetujuan mereka tentang kelemahan dalam memahami tajuk *maf'u:l bih* adalah disebabkan faktor alat bantu mengajar atau modul yang digunakan oleh tenaga pengajar. 18 orang mengatakan amat bersetuju, 26 orang memilih jawapan bersetuju, 24 orang menyatakan tidak bersetuju dan 15 orang memilih jawapan amat tidak bersetuju. Jadual 4.14 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.14: Tahap Perersetujuan Responden Bahawa Kelemahan Dalam Memahami Tajuk Maf'u:l Bih Adalah Disebabkan Faktor Alat Bantu Mengajar Atau Modul Yang Digunakan Oleh Tenaga Pengajar.**

Skor	Jumlah	Peratus
Amat Setuju	18	22.5%
Setuju	26	32.5%
Tidak Bersetuju	24	30%
Amat Tidak Bersetuju	12	15%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>

#### 4.2.4.5 Tahap Perersetujuan Responden Bahawa Kelemahan Dalam Memahami Tajuk Maf'u:l Bih Adalah Disebabkan Faktor Responden Sendiri.

Seterusnya responden juga turut diminta untuk menyatakan sama ada mereka bersetuju atau pun tidak bahawa kelemahan dalam memahami tajuk *maf'u:l bih* adalah disebabkan faktor faktor responden sendiri. 18 orang mengatakan amat bersetuju, 36 orang memilih jawapan bersetuju, 20 orang menyatakan tidak bersetuju dan 06 orang memilih jawapan amat tidak bersetuju. Jadual 4.15 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.15 : Tahap Perersetujuan Responden Bahawa Kelemahan Dalam Memahami Tajuk Maf'ul Bih Adalah Disebabkan Faktor Responden Sendiri.**

<b>Skor</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Amat Setuju	18	22.5%
Setuju	36	45%
Tidak Bersetuju	20	25%
Amat Tidak Bersetuju	06	07.5
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>

#### **4.2.5 Kaitan Nahu Dengan Pemahaman Agama**

Berkaitan hubungan di antara penguasaan ilmu nahu dengan pemahaman nas-nas agama, didapati bahawa kesemua responden bersetuju dengan pernyataan “*penguasaan ilmu nahu yang baik amat membantu dalam memahami nas-nas berkaitan agama dengan tepat*”. Ini kerana sebanyak 80% memilih amat setuju dengan pernyataan yang diberikan, manakala bakinya 20% memilih setuju dengan pernyataan tersebut. Ini bermakna para responden mengaitkan pemahaman dan penguasaan nas-nas agama yang kesemuanya dalam BA dengan pemahaman dan penguasaan ilmu nahu BA. Jadual 4.16 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.16: Pandangan Responden Mengenai Kaitan Penguasaan Ilmu Nahu Dengan Pemahaman Nas Agama Dengan Tepat**

<b>Skor</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Amat setuju	64	80%
Setuju	16	20%
Tidak setuju	0	00%
Amat tidak setuju	0	00%
<b>Jumlah</b>	<b>80</b>	<b>100%</b>

#### **4.2.6 Penguasaan Kemahiran Bahasa**

Jadual 4.17 menunjukkan tahap penguasaan empat kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran menulis, kemahiran membaca dan kemahiran bertutur bagi setiap responden. Setiap responden diminta menilai tahap penguasaan masing-masing dengan jujur berdasarkan penilaian sendiri masing-masing mengikut skor Amat Tinggi, Tinggi, Sederhana dan Lemah.

Berdasarkan jadual 4.17, didapati purata kemahiran bahasa kebanyakan responden berada di tahap sederhana yang mana setiap kemahiran menunjukkan peratusan tertinggi di bahagian tersebut. Kecuali kemahiran membaca yang mana 55% responden berada pada tahap baik bagi kemahiran tersebut, manakala kemahiran-kemahiran lain meliputi menulis, mendengar dan juga bertutur mencatat peratus tertinggi pada skor sederhana. Kemahiran bertutur mencatatkan peratusan tertinggi bagi jumlah responden yang berada pada tahap lemah iaitu sebanyak 34% yang bersamaan dengan 28 orang responden.



**JADUAL 4.17: Tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Responden**

	<b>Kemahiran Membaca</b>	<b>Kemahiran Menulis</b>	<b>Kemahiran Mendengar</b>	<b>Kemahiran Bertutur</b>
Amat baik	4%	5%	1%	0%
Baik	55%	34%	35%	12%
Sederhana	36%	45%	51%	53%
Lemah	5%	16%	13%	35%
<b>Jumlah</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

### **4.3 Penguasaan Maf'ul Bih**

Sebanyak 35 soalan telah disediakan untuk dijawab oleh setiap responden. Soalan-soalan ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

#### **4.3.1 Tahap Penguasaan Menentukan Jenis Kata Kerja Transitif (*Fi'l Muta'addy*) dan Kata Kerja Tak Transitif (*Fi'l La:zim*)**

Enam soalan pertama yang dikemukakan kepada responden bagi menguji kemampuan responden untuk membezakan jenis Kata Kerja Transitif (*Fi'l Muta'addy*) dan Kata Kerja Tak Transitif (*Fi'l La:zim*).

Daripada dapatan kajian, didapati pengetahuan responden terhadap perkara tersebut berada pada tahap lemah. Kebanyakan responden gagal menjawab dengan tepat bagi menentukan Jenis Kata Kerja Transitif (*Fi'l Muta'addy*) dan Kata Kerja Tak Transitif (*Fi'l La:zim*). Bagi soalan satu seramai 25% responden dapat menjawab dengan betul dan 40% menjawab tidak tahu. Untuk soalan dua seramai 30% responden dapat menjawab dengan betul dan 45% menjawab tidak tahu. Bagi soalan tiga seramai 70% responden dapat menjawab dengan

betul dan tiada yang menjawab tidak tahu. Bagi soalan empat seramai 70% responden dapat menjawab dengan betul dan tiada yang menjawab tidak tahu. Responden dapat menjawab dengan betul dalam jumlah bilangan yang ramai bagi soalan tiga dan empat disebabkan perkataan yang menjadi kata kerja dalam contoh ayat yang dikemukakan biasa digunakan dalam pembelajaran mereka iaitu perkataan قَامَ bagi soalan tiga dan نَامَتْ bagi soalan empat. Bagi soalan lima seramai 20% responden dapat menjawab dengan betul dan 60% menjawab tidak tahu. Bagi soalan enam seramai 25% responden dapat menjawab dengan betul dan 35% menjawab tidak tahu.

Alasan responden bagi jawapan tidak tahu bagi soalan satu 45% mengatakan “keliru”, 40% menyatakan sebab “tidak mengulang kaji”, 10% menyatakan alasan “kurang membuat latihan” dan 05% kerana “belajar tetapi tidak faham”. Ia disebabkan perkataan yang digunakan dalam contoh yang diberikan jarang digunakan dalam pembelajaran mereka iaitu perkataan أَبْصَرَ dan اسْتَحْسَنَ. Bagi soalan dua pula alasan yang diberikan ialah 40% mengatakan “keliru”, 30% menyatakan sebab “kurang membuat latihan”, 20% menyatakan alasan “tidak mengulang kaji” dan 10% kerana “belajar tetapi kurang faham”. Bagi soalan tiga dan empat tiada responden yang memilih jawapan tidak tahu.

Manakala bagi soalan lima 20% mengatakan “keliru”, 20% menyatakan sebab “kurang mengulang kaji”, 30% menyatakan alasan “kurang membuat latihan” 20% orang responden yang menyatakan alasan “belajar tetapi tidak faham” dan 10% kerana “lain-lain” dengan alasan terlupa. Kerana pada soalan lima kata kerja yang digunakan ialah kata kerja transitif (*fi'l muta'addy*) namun perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* dalam ayat tersebut telah dibuang kerana ada tanda (*qori:nah*) yang menunjukkan makna *maf'u:l bih* disitu. Bagi soalan enam, 30% mengatakan “kurang mengulang kaji”, 20% menyatakan sebab “keliru” bagi membezakan *fi'l muta'addy* (أَيَقْظَ) yang memberi makna (telah

mengejutkan/membangunkan) dengan perkataan اسْتَيْقَظَ yang memberi makna (telah bangun/bangkit), 40% menyatakan alasan “tidak membuat latihan” dan 10% kerana “belajar, tetapi kurang faham” Jadual 4.18 di bawah menunjukkan keseluruhan jawapan responden bagi soalan-soalan berkaitan dengan pengetahuan asas ini.

**JADUAL 4.18: Tahap Penguasaan Menentukan Jenis Kata Kerja Transitif (Fi‘l Muta‘addy) dan Kata Kerja Tak Transitif (Fi‘l La:zim)**

Soalan	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab “Salah”	% Menjawab “Tidak tahu”
(١) أَبْصَرَ الرَّجُلُ الْهَيْلَالَ لَيْلًا	25%	35%	40%
(٢) اسْتَحْسَنَ الابْنُ قَوْلَ أَبِيهِ	30%	25%	45%
(٣) قَامَ مُحَمَّدٌ إِحْتِرَامًا لِلْمُعَلِّمِ	70%	30%	00%
(٤) نَامَتِ الْفَتَاةُ نَوْمًا عَمِيقًا	70%	30%	00%
(٥) رَعَتِ الْمَاشِيَةَ	20%	20%	60%
(٦) اسْتَيْقَظَ الطَّالِبُ مُبَكَّرًا	25%	40%	35%
<b>Skor min</b>	<b>40%</b>		

#### 4.3.2 Soalan Mengenal Pasti Maf‘u:l Bih dan Kedudukannya Dalam Struktur Ayat

Soalan ketujuh hingga soalan kedua belas memerlukan responden mengenalpasti *maf‘u:l bih* dan menentukan kedudukannya dalam struktur ayat. Dapatan kajian mendapati bagi soalan tujuh seramai 75% responden dapat menjawab dengan betul. Ini kerana perkataan yang dijadikan sebagai contoh dalam ayat biasa ditemui oleh responden dan digunakan dalam contoh pembelajaran harian dan dapat melihat dengan jelas tanda mansu:b berbaris fathah (atas) bagi perkataan yang menjadi *maf‘u:l bih*. Hanya 05% yang menjawab tidak tahu

dengan alasan “keliru” sebanyak 40% dan “tidak mengulang kaji” sebanyak 60%. Kekeliruan disebabkan kedudukan *maf'u:l bih* berada di awal ayat sedangkan kebiasaannya *maf'u:l bih* terletak di bahagian belakang atau akhir dalam sesuatu struktur ayat. Untuk soalan lapan dan sembilan seramai 30% responden dapat menjawab dengan betul dan 35% menjawab tidak tahu juga dengan alasan “keliru” 40% dan “tidak mengulang kaji” 35% dan “kurang membuat latihan” 25%. Berlakunya ketidakpastian dan kekeliruan dalam menentukan *maf'u:l bih* dalam dua contoh ini adalah disebabkan pertukaran yang telah berlaku terhadap pola perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* daripada pola kata tunggal (*mufrad*) kepada pola kata nama pendua (*muthanna*) dan kepada kata nama jama' (*jama'*). Perubahan tersebut memerlukan responden mengingat semula kaedah perubahan yang berlaku terhadap perkataan berkaitan dan juga terpaksa mengingat kembali tanda-tanda nasab (*'ala:ma:t al-mansu:b*). Adapun bagi soalan sepuluh dan sebelas seramai 20% responden dapat menjawab dengan betul dan 40% menjawab tidak tahu.

Alasan bagi jawapan tidak tahu adalah sama dengan alasan yang diberikan terhadap soalan lapan dan sembilan iaitu “keliru” sebanyak 40% dan “tidak mengulang kaji” sebanyak 40% dan “kurang membuat latihan” sebanyak 20%.

Manakala bagi soalan dua belas hanya 15% responden memberikan jawapan yang betul dan 45% memilih jawapan tidak tahu. Alasan bagi pilihan jawapan tidak tahu ialah “belajar tetapi tidak faham” sebanyak 40%, “keliru” 25%, “kurang mengulang kaji” 25% dan “kurang membuat latihan” sebanyak 10%. Kekeliruan dan tidak pasti yang berlaku bagi sepuluh dan sebelas apabila perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* berada dalam bentuk kata ganti nama (*dami:r*). iaitu perkataan كَ pada perkataan ضَرَبْتُكَ dan perkataan نِيٍّ on pada perkataan سَأَلْتَنِي. Bagi soalan dua belas pula *maf'u:l bih* berada dalam bentuk kata nama tunjuk (*isim isya:rat*) iaitu perkataan كُمْ yang memerlukan keupayaan responden untuk

mengingat semula fungsi nahuan yang berhubungkait dengannya. Jadual 4.19 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.19: Soalan Mengenal Pasti Maf'u:l Bih Dan Kedudukannya  
Dalam Struktur Ayat**

Soalan	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab “Salah”	% Menjawab “Tidak tahu”
(٧) الطَّعَامَ طَبَّخَتْ الْمَرْأَةُ	75%	20%	05
(٨) كَتَبَتْ الطَّالِبَةُ الرَّسَائِلَ	30%	35%	35%
(٩) أَرْسَلَ اللَّهُ الْأَنْبِيَاءَ إِلَى النَّاسِ	30%	35%	35%
(١٠) ضَرَبْتُكَ ضَرْبَتَيْنِ	20%	40%	40%
(١١) سَأَلْتَنِي أُسْتَاذَةً عَنْكَ	20%	40%	40%
(١٢) كَمْ كِتَابًا اشْتَرَيْتَ	15%	40%	45%
<b>Skor min</b>	<b>33%</b>		

#### 4.3.3 Soalan Mengenal Pasti Maf'u:l Bih dalam Struktur Ayat Al-Qur'a:n

Soalan ketiga belas hingga soalan ketujuh belas memerlukan responden mengenalpasti *maf'u:l bih* dan menentukan kedudukannya dalam struktur ayat. Kebanyakan responden dapat menjawab dengan betul bagi soalan tiga belas iaitu seramai 60%. 10% memilih jawapan tidak tahu dengan alasan “keliru” sebanyak 35%, “belajar tetapi kurang faham” sebanyak 40%, “kurang mengulang kaji” 15% dan 10% “kurang membuat latihan”. Peratus menjawab dengan betul lebih ramai kerana perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* dalam contoh ayat al-Qur'a:n tersebut adalah menggunakan perkataan yang biasa digunakan iaitu perkataan َاللَّهِ dan الرَّسُولَ dan tanda berbaris atas (*mansu:b*) yang menjadi tanda *I'ra:b* kepada *maf'u:l bih* jelas pada perkataan tersebut. Bagi soalan empat belas 25% responden dapat

menjawab dengan betul. Manakala yang menjawab “tidak tahu” adalah sebanyak 35%. Alasan yang dikemukakan ialah kerana “keliru” sebanyak 40%, “tidak mengulang kaji” sebanyak 35% “kurang membuat latihan” 15% dan 10% “belajar, tetapi kurang faham”. Ketidakpastian berlaku apabila perubahan kepada *maf'u:l bih* daripada kata nama tunggal (*mufrad*) kepada kata nama jama' (*jama'*). Bagi soalan lima belas hingga soalan tujuh belas hanya 10% dapat menjawab dengan betul dan 40% akur dengan jawapan tidak tahu. Alasan yang dikemukakan ialah kerana “keliru” sebanyak 20%, “tidak mengulang kaji” sebanyak 20% dan “kurang membuat latihan” sebanyak 20%. Dapat dikesan terdapat 40% responden yang memilih jawapan “lain-lain” dengan alasan “jarang membuat latihan menggunakan contoh-contoh daripada ayat-ayat al-Qur'a:n” ditambah pula “*maf'u:l bih* berada dalam bentuk kata ganti nama (*dami:r*) yang menambah kekeliruan dalam memastikannya. Jadual 4.20 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.20: Soalan Mengenal Pasti Maf'u:l Bih Dalam Struktur Ayat Al-Qur'a:n**

Soalan	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab Salah	% Menjawab “Tidak tahu”
(١٣) [أَطِيعُوا اللَّهَ وَ أَطِيعُوا الرَّسُولَ] النساء ٥٩	60%	30%	10%
(١٤) [كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ الْمُرْسَلِينَ] الشعراء ١٠٥	25%	45%	35%
(١٥) [وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ] البقرة ١٢٤	10%	50%	40%
(١٦) [الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ] المائدة ٣	10%	50%	40%
(١٧) [إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ] القدر ١	10%	50%	40%
<b>Skor min</b>	<b>23%</b>		

#### 4.3.4 Soalan Mengenal Pasti Maf'u:l Bih Sama Ada Mu'rab atau Mabniyy

Berkaitan dengan soal selidik pada bahagian ini, responden diminta untuk membezakan dan mengenalpasti sama ada *maf'u:l bih* berada dalam bentuk *isim* kata nama berubah (*mu'rab*) atau kata nama tidak berubah (*mabniyy*). Kata nama berubah bermaksud kata nama tersebut berubah daripada kata tunggal (*mufrad*) kepada kata nama pendua (*muthanna*) atau kepada kata nama jama' (*jama'*). Responden diuji dengan enam soalan bermula daripada soalan lapan belas hingga soalan dua puluh tiga.

Bagi soalan lapan belas 30% menjawab dengan betul dan 15% menyatakan tidak tahu dengan alasan “belajar tetapi kurang faham” sebanyak 35%, “kurang mengulang kaji” sebanyak 20%, “kurang membuat latihan” sebanyak 20% dan 25% memilih jawapan “keliru”. Untuk soalan sembilan belas 30% menjawab dengan betul dan 15% memilih jawapan tidak tahu dengan alasan “lain-lain” sebanyak 35% dan menyatakan sebabnya ialah “tidak ingat” kaedah perubahan kata nama yang menjadi *maf'u:l bih* daripada pola kata tunggal (*mufrad*) kepada kata pendua (*muthanna*) dan kata nama jama' (*jama'*), 30% “tidak mengulang kaji” dan 35% “tidak membuat latihan”.

Bagi soalan dua puluh pula pengurangan berlaku kepada peratus responden yang menjawab dengan betul iaitu 25% dan ramai memilih jawapan tidak tahu sebanyak 30% yang beralasan “keliru” sebanyak 80% dengan beberapa perkataan lain bagi menentukan *maf'u:l bih* iaitu perkataan ضَرَبًا شَدِيدًا dalam contoh tersebut kerana perkataan tersebut juga turut berbaris baris atas (*fathat*) yang menjadi tanda *I'rab* kepada *maf'u:l bih*. Perkataan yang hanya menjadi *maf'u:l bih* ialah perkataan اللَّصَّ، “tidak mengulang kaji” sebanyak 10% dan “tidak membuat latihan” sebanyak 10%. Manakala bagi soalan dua puluh satu hingga dua puluh tiga, peratus menjawab dengan betul berkurangan iaitu 20% dan yang memilih jawapan tidak tahu adalah sebanyak 30%. 40% disebabkan “kurang mengulang kaji”, 40% “kurang

membuat latihan” dan 20% memilih jawapan lain-lain dengan menyatakan alasan “kurang membuat latihan berkaitan *maf‘u:l bih* menggunakan contoh-contoh ayat yang melibatkan *maf‘u:l bih* dalam bentuk kata ganti nama (*dami:r*) atau kata tunjuk (*isim isya:rat*)”. Disamping itu responden turut memerlukan ingatan semula kepada fungsi nahuan yang melibatkan ganti nama (*dami:r*) atau kata tunjuk (*isim isya:rat*) yang berhubung kait dengan *maf‘u:l bih*. Jadual 4.21 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.21: Soalan Mengenal Pasti Maf‘u:l Bih Sama Ada Mu‘rab atau Mabniyy**

Soalan	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab “Salah	% Menjawab “Tidak tahu”
(١٨) كَتَبَتِ الطَّالِبَةُ الرَّسَالَتَيْنِ	30%	55%	15%
(١٩) أَرْسَلَ اللَّهُ الرَّسُلَ إِلَى النَّاسِ كَافَّةً	30%	55%	15%
(٢٠) ضَرَبَ الشُّرْطَةُ اللَّصَّ ضَرْبًا شَدِيدًا	25%	45%	30%
(٢١) سَأَلَنِي أُسْتَاذٌ عَنكَ	20%	50%	30%
(٢٢) [إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ]	20%	50%	30%
(٢٣) نَصَحَ الْأُسْتَاذُ هَذَا الطَّالِبَ	20%	50%	30%
<b>Skor min</b>	<b>24%</b>		

#### 4.3.5 Penguasaan Mengenal Pasti Bilangan Maf ‘u:l Bih Dalam Struktur Ayat

Pada bahagian ini responden diuji kefahaman mereka untuk mengenalpasti dengan tepat bilangan *maf‘u:l bih* yang terdapat dalam sesuatu ayat. Bagi soalan dua puluh empat 25% responden berjaya menjawab dengan betul dan peratus responden yang memilih jawapan tidak tahu ialah seramai 30% dengan alasan “keliru” sebanyak 50% dan “tidak mengulang kaji” sebanyak 25% dan “kurang membuat latihan” sebanyak 25%. Kekeliruan adalah



disebabkan kata kerja transitif (*fi'l muta'addy*) yang berada dalam wazan أَفْعَلَ biasanya akan menasabkan dua kata nama (*isim*) yang menjadi *maf'u:l bih* dalam sesuatu struktur ayat sedangkan menurut jangkauan responden hanya terdapat satu sahaja *maf'u:l bih* dalam contoh tersebut. Jawapan kepada jumlah *maf'u:l bih* bagi soalan tersebut adalah dua iaitu perkataan مُحَمَّدًا dan جَائِزَةً. Untuk soalan dua puluh lima pula 25% responden dapat menjawab dengan betul dan peratus responden yang memilih jawapan tidak tahu ialah seramai 30% dengan alasan “keliru” sebanyak 40% dan “tidak mengulang kaji” sebanyak 35% dan “tidak membuat latihan” sebanyak 25%. Ketidakpastian dan kekeliruan berlaku ketika membezakan dua perkataan yang berbaris baris atas (*mansu:b*) iaitu perkataan صُورَةً dan جَمِيلَةً dalam ayat sama ada dua perkataan tersebut *maf'u:l bih* atau hanya salah satu daripada dua perkataan itu sahaja. Peratus responden yang dapat menjawab dengan betul bagi soalan dua puluh enam dan dua puluh tujuh hanya seramai 10% dan responden yang memilih jawapan tidak tahu adalah seramai 40%. Alasan yang diberikan bagi jawapan tidak tahu untuk soalan dua puluh enam adalah disebabkan “keliru” sebanyak 40%, “tidak mengulang kaji” sebanyak 20%, “belajar tetapi kurang faham” sebanyak 40%. Jawapan yang tepat bagi soalan dua puluh enam bagi jumlah perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* ialah tiga iaitu perkataan كَ ganti nama (*dami:r*) dan perkataan الْعَدُوَّ dan perkataan جَبَانًا. Kesukaran mengenalpasti berlaku kepada responden apabila ingin menentukan *maf'u:l bih* yang melibatkan ganti nama (*dami:r*) yang menjadi *maf'u:l bih*. Manakala bagi soalan dua puluh tujuh alasan yang diberikan bagi jawapan tidak tahu adalah disebabkan “keliru” sebanyak 35%, “tidak mengulang kaji” sebanyak 30%, “belajar tetapi kurang faham” sebanyak 25% dan 10% responden memilih jawapan “lain-lain” dengan alasan “lupa”. Kekeliruan berlaku ketika membezakan perkataan yang berada dalam baris atas (*mansub*) yang menjadi salah satu tanda yang menunjukkan sesuatu perkataan itu *maf'u:l bih* iaitu perkataan لَيْلًا sedangkan perkataan

ini sebenarnya bukan *maf'u:l bih*. Jumlah perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* dalam contoh tersebut hanyalah dua perkataan iaitu شَيْخًا dan مُعَلِّمًا. Responden yang mampu menjawab dengan betul bagi soalan dua puluh lapan dan dua puluh sembilan masing-masing dengan peratus 20% dan yang memilih jawapan tidak tahu ialah sebanyak 30%. Alasan bagi jawapan tidak tahu bagi soalan dua puluh lapan ialah kerana “keliru” sebanyak 30%, “tidak mengulang kaji” 30% dan “lain-lain” dengan alasan lupa kepada perubahan yang berlaku terhadap perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* daripada pola kata tunggal (*mufrad*) kepada kata pendua (*muthanna*) dan kata nama jama' (*jama'*) sebanyak 40%. Bagi soalan dua puluh sembilan, alasan yang diberikan juga disebabkan kerana “keliru” sebanyak 35% dan “belajar tapi kurang faham” sebanyak 40% ketika membezakan tanda baris atas (*nasab*) yang menjadi tanda *i'ra:b* yang menentukan sesuatu perkataan menjadi *maf'u:l bih*, “kurang mengulang kaji” sebanyak 15% dan “kurang membuat latihan” sebanyak 10%. Jumlah perkataan berbaris baris atas (*nasab*) yang menjadi *maf'u:l bih* dalam contoh tersebut hanyalah dua perkataan sahaja iaitu الطَّالِبُ dan تَعْدِيرِيَّةٌ walaupun ia berbaris atas (*nasab*). Jadual 4.22 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.22: Soalan Mengenal Pasti Bilangan Maf'u:l Bih Dalam Struktur Ayat**

Soalaan	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab “Salah	% Menjawab “Tidak tahu”
(٢٤) أَعْطَى الْمَدْرَسُ مُحَمَّدًا جَائِزَةً	25%	45%	30%
(٢٥) تَرَسَّمُ الْبِنْتُ صُورَةً جَمِيلَةً	25%	45%	30%
(٢٦) أَخْبَرْتُكَ الْعَدُوَّ جَبَانًا	10%	50%	40%
(٢٧) قَابَلَ الشَّبَابُ شَيْخًا، مُعَلِّمًا لَيَالًا	10%	50%	40%
(٢٨) مَرَّقَ الطِّفْلُ دَفْتَرَيْنِ اثْنَيْنِ	20%	50%	30%
(٢٩) مَنَحَ الْمُدِيرُ الطَّالِبَ شَهَادَةً تَعْدِيرِيَّةً	20%	50%	30%
<b>Skor min</b>	<b>36%</b>		

#### 4.3.6 Penguasaan Melengkapkan Ayat Dengan Pelaku (Fa'il) Yang Sesuai

Pada bahagian ini responden diminta untuk melengkapkan struktur ayat agar menjadi ayat yang sempurna dengan meletakkan pelaku (*fa'il*) yang sesuai di tempat kosong dalam contoh ayat yang telah diberikan. Ramai responden tidak mampu memberi jawapan yang betul-betul tepat iaitu dalam menggunakan perkataan yang menjadi pelaku (*fa'il*) yang bersesuaian bagi soalan tiga puluh hingga tiga puluh dua. Hanya 10% yang dikira munasabah untuk dinilai sebagai jawapan yang betul. Manakala 35% memilih jawapan “tidak tahu” dengan alasan 50% “tidak mengulang kaji”, 30% “kurang membuat latihan” dan 20% memilih jawapan “lain-lain” dengan alasan “kurang perbendahaharaan perkataan Arab yang tepat untuk dijadikan pelaku (*fa'il*) yang sesuai” dan “tidak mengetahui makna ayat dengan baik”. Jadual 4.23 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.23: Soalan Melengkapkan Ayat dengan Fa'il (Pelaku) Yang Sesuai**

Soalan	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab “Salah	% Menjawab “Tidak tahu”
(٣٠) قَطَعَ ..... الخَشَبِ	10%	55%	35%
(٣١) نَظَّفَ ..... القُصَلِ	10%	55%	35%
(٣٢) أَكْرَمَ ..... المَعْلِمِ	10%	55%	35%
<b>Skor min</b>	<b>10%</b>		

Berdasarkan jadual 4.23, didapati pencapaian responden adalah di tahap yang lemah. Responden didapati sukar mencari perkataan yang sesuai bagi setiap pelaku (*fa'il*) yang diberikan mengikut contoh ayat. Menurut pemerhatian penulis ia berlaku kerana kelemahan

responden mengingat perkataan Arab yang sesuai untuk digunakan bersesuaian dengan contoh ayat.

#### 4.3.7 Melengkapkan Ayat Dengan Maf'u:l Bih Yang Sesuai

Pada bahagian yang terakhir diwakili oleh soalan tiga puluh tiga hingga tiga puluh lima, responden diminta untuk melengkapkan struktur ayat agar menjadi ayat yang sempurna dengan meletakkan *maf'u:l bih* yang sesuai di tempat kosong dalam contoh ayat yang telah diberikan. Ramai dikalangan responden tidak mampu memberi jawapan yang betul-betul tepat iaitu dalam menggunakan perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* yang bersesuaian bagi soalan tiga puluh hingga 32. Hanya 10% yang dikira munasabah untuk dikira sebagai jawapan yang betul. 30% memilih jawapan “tidak tahu” dengan alasan 50% “tidak mengulang kaji”, 30% “kurang membuat latihan” dan 20% memilih jawapan “lain-lain” dengan alasan “kurang perbendahaharaan perkataan Arab yang tepat untuk dijadikan *maf'u:l bih* yang sesuai” dan “tidak mengetahui makna ayat dengan baik”. Jadual 4.24 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

**JADUAL 4.24: Soalan Melengkapkan Ayat Dengan Maf'u:l Bih Yang Sesuai**

Soalan	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab “Salah	% Menjawab “Tidak tahu”
..... يَبِيعُ الْبَقَالَ (٣٣)	10%	60%	30%
..... يَنْشُرُ النَّجَارَ (٣٤)	10%	60%	30%
..... تَخِيْطُ الْبِنْتُ (٣٥)	10%	60%	30%
<b>Skor min</b>	<b>10%</b>		

Berdasarkan jadual 4.24, didapati pencapaian responden adalah di tahap yang lemah. Responden didapati sukar untuk mencari perkataan yang sesuai bagi setiap *maf'u:l bih* yang diberikan mengikut contoh ayat agar menjadi ayat yang benar-benar sempurna daripada sudut struktur dan maknanya. Menurut pemerhatian penulis ia berlaku kerana kurangnya perbendaharaan perkataan Arab yang dikuasai oleh responden untuk digunakan bersesuaian dengan contoh ayat.

#### **4.4 Rumusan Dapatan Kajian**

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap penguasaan responden terhadap tajuk kajian iaitu *maf'u:l bih* berada pada tahap lemah. Untuk mengenalpasti penguasaan keseluruhan responden mengenai tajuk kajian, skor min bagi setiap bahagian dicampur dan dibahagikan mengikut jumlah keseluruhan bahagian soalan.

##### **4.4.1 Purata Pencapaian Responden Dalam Ujian Bertulis**

Jadual 4.25 di bawah menunjukkan purata pencapaian keseluruhan responden dalam soal selidik ini.

**JADUAL 4.25: Purata Pencapaian Responden Dalam Ujian Bertulis**

<b>Bil</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Tahap</b>
1	Penguasaan Menentukan Jenis Kata Kerja Transitif ( <i>Fi'l Muta'addy</i> ) dan Kata Kerja Tak Transitif ( <i>Fi'l La:zim</i> )	43%	Memuaskan
2	Mengenal pasti <i>Maf'u:l bih</i> dan Kedudukannya dalam Struktur Ayat	33%	Lemah
3	Mengenal pasti <i>Maf'u:l bih</i> dalam Struktur Ayat al-Qur'a:n	23%	Lemah
4	Mengenal pasti <i>Maf'u:l bih</i> sama ada <i>Mu'rab</i> atau <i>Mabniyy</i>	24%	Lemah
5	Mengenal pasti bilangan <i>Maf'u:l bih</i> dalam Struktur Ayat	36%	Lemah
6	Melengkapkan Ayat dengan pelaku ( <i>Fa'il</i> ) yang sesuai	10%	Amat Lemah
7	Melengkapkan Ayat dengan <i>Maf'u:l bih</i> yang sesuai	10%	Amat Lemah
8	<b>Skor Min Keseluruhan</b>	<b>25%</b>	<b>Lemah</b>

Berdasarkan jadual 4.25, didapati hanya bahagian Penguasaan Menentukan Jenis Kata Kerja Transitif (*Fi'l Muta'addy*) dan Kata Kerja Tak Transitif (*Fi'l La:zim*) sahaja yang mencatatkan purata pencapaian yang memuaskan. Itu pun kerana contoh kata kerja (*fi'l*) yang digunakan dalam soalan yang diberikan merupakan perkataan yang biasa digunakan oleh responden semasa pembelajaran mereka. Hampir kesemua bahagian mencatatkan purata pencapaian responden berada pada tahap lemah, manakala bahagian-bahagian lain pula mencatatkan peratus pencapaian yang kurang memberangsangkan iaitu dengan skor min kurang daripada 40%. Purata pencapaian bahagian melengkapkan ayat dengan pelaku (*fa'il*) yang sesuai dan melengkapkan ayat dengan *maf'u:l bih* yang sesuai mencatatkan pencapaian yang paling rendah iaitu hanya 10% sahaja, diikuti dengan bahagian ketiga iaitu menentukan *maf'u:l bih* dalam ayat al-Qur'a:n sebanyak 23%. Dapatan ini menunjukkan bahawa bahagian yang paling sukar dikuasai oleh kebanyakan responden ialah menentukan jenis kata kerja transitif (*fi'l muta'addy*) dan kata kerja tak transitif (*fi'l la:zim*) ketika didatangkan dengan

perkataan-perkataan yang jarang digunakan oleh responden dalam pembelajaran mereka. Ia disebabkan kelemahan dan kekurangan hafalan responden tentang perkataan-perkataan Arab.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan dan kefahaman responden terhadap tajuk kajian adalah di tahap lemah. Kelemahan juga dapat dikesan melalui keupayaan responden ketika menentukan *maf'u:l bih* yang melibatkan ayat-ayat al-Qur'a:n, kata ganti nama (*dami:r*), kata nama tunjuk (*isim isya:rat*) dan perubahan yang berlaku kepada perkataan yang menjadi *maf'u:l bih* daripada pola kata tunggal (*mufrad*) kepada kata pendua (*muthanna*) dan kata nama jama' (*jama'*). Begitu juga responden masih lemah untuk membezakan *maf'u:l bih* yang *mabniyy* dengan yang *mu'rab*.

#### **4.4.2 Taburan Alasan Bagi Jawapan “Tidak Tahu”.**

Jadual 4.26 menunjukkan taburan alasan yang diberikan oleh responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*”. Jumlah tertinggi seorang responden memilih jawapan “*tidak tahu*” ialah sebanyak 33 kali iaitu mewakili 94% daripada jumlah keseluruhan soalan. Sebanyak enam alasan telah diberikan oleh responden tentang sebab mengapa mereka memilih pilihan jawapan ini. Kesimpulannya, jumlah terkumpul kekerapan responden memilih jawapan “*tidak tahu*” dan mengemukakan alasan ialah sebanyak 884 kali iaitu mewakili 33% daripada jumlah keseluruhan jawapan responden.

Daripada keseluruhan alasan yang diberikan, alasan “tidak mengulang kaji” mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 33%, diikuti dengan alasan “keliru” sebanyak 25% dan “kurang membuat latihan” sebanyak 22%. Responden turut memilih jawapan “lain-lain” sebanyak 12% dengan menyatakan alasan yang pelbagai seperti “terlupa, jarang membuat

latihan menggunakan contoh-contoh daripada ayat-ayat al-Qur'a:n, terlupa perubahan kata nama yang menjadi *maf'u:l bih* daripada pola kata tunggal (*mufrad*) kepada kata pendua (*muthanna*) dan kata nama jama' (*jama'*), kurang membuat latihan berkaitan *maf'u:l bih* menggunakan contoh-contoh ayat yang melibatkan *maf'u:l bih* dalam bentuk kata ganti nama (*dami:r*) atau kata tunjuk (*isim isya:rat*), kurang perbendaharaan perkataan Arab yang tepat untuk dijadikan pelaku (*fa'il*) atau *maf'u:l bih* yang sesuai dan “tidak mengetahui makna ayat dengan baik” “belajar, tetapi tidak faham” sebanyak 8%.

**JADUAL 4.26: Taburan Alasan Responden Yang Memilih Jawapan “Tidak Tahu”**

Alasan	Jumlah	Peratus
Tidak mengulang kaji	287	33%
Keliru	218	25%
Kurang buat latihan	192	22%
Lain-lain	112	12%
Belajar, tetapi tidak faham	75	8%
Tidak pernah belajar	0	0
Jumlah	884	100


#### 4.4.3 Tahap Pencapaian Responden Dalam Soal Selidik

Dalam bahagian ini, penulis akan mengemukakan tahap pencapaian keseluruhan responden di lokasi kajian. Tahap pencapaian responden ini diukur berdasarkan kepada jumlah markah terkumpul oleh setiap mereka dalam ujian yang dijalankan dengan berpandukan kepada Interpretasi Skor Min dalam jadual dalam Bab 1 pada halaman 20.



Pencapaian keseluruhan responden diukur dalam bentuk markah untuk melihat tahap pencapaian keseluruhan semua mereka dalam tajuk kajian. Skor markah mereka akan dipadankan dengan interpretasi skor min dan dikumpulkan mengikut kategori amat baik, baik, memuaskan, lemah dan amat lemah. Dapatan ini akan dinyatakan dalam bentuk graf untuk melihat taburan pencapaian keseluruhan kesemua responden dalam ujian yang telah dijalankan. Dapatan skor keseluruhan markah terkumpul bagi 80 orang responden adalah seperti yang dinyatakan dalam graf 4.4.3.1 di bawah.

**GRAF 4.4.3.1: Taburan Tahap Pencapaian Keseluruhan Responden Dalam Soal Selidik**



Daripada graf 4.4.3.1 di atas, didapati tiada seorang pun responden yang mampu mencatatkan keputusan “amat baik” dalam soal selidik ini. Hanya lapan responden yang berjaya menempatkan diri mereka dalam kelompok berpencapaian “baik” iaitu sebanyak 10%. 25% berada pada tahap memuaskan. Majoriti responden berada dalam kelompok “lemah” yang mana sebanyak 55% responden mencatatkan markah pencapaian pada tahap berkenaan. 10% peratus responden pula berada pada tahap yang sangat membimbangkan iaitu “amat lemah”.

Jika dikumpulkan skor “lemah” dan “amat lemah” ini, didapati peratusan yang besar terkumpul pada tahap berkenaan iaitu sebanyak 65%.

Berdasarkan dapatan ini, suatu langkah yang serius perlu dilakukan untuk meningkatkan penguasaan responden dan menangani masalah pencapaian yang kurang memberangsangkan dalam kalangan mereka ini. Motivasi responden perlu ditingkatkan, cara penyampaian guru perlu dipelbagaikan dan penggunaan kaedah pengajaran yang berkesan perlu diterapkan agar pencapaian dan penguasaan mereka akan bertambah baik.

#### **4.5 Penutup**

Berdasarkan kepada data yang diperolehi dan dianalisis, penulis membuat kesimpulan bahawa responden masih lagi di tahap yang lemah dalam aspek yang dikaji. Bertepatan dengan objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti aspek *maf'u:l bih* yang paling sukar untuk dikuasai oleh responden serta puncanya. Kelemahan yang paling ketara jika dirujuk berdasarkan jadual 4.25 purata pencapaian responden dalam semua bahagian ialah ketika responden diuji supaya membina ayat lengkap dengan meletakkan *maf'u:l bih dan fa'il yang* sesuai. Penulis membuat kesimpulan bahawa kelemahan tersebut adalah berpunca daripada kelemahan responden untuk mengenalpasti jenis Kata Kerja Transitif (*Fi'l Muta'addy*) dan Kata Kerja Tak Transitif (*Fi'l La:zim*) bagi kata kerja. Responden didapati sukar menentukannya apabila perkataan kata kerja (*fi'l*) tersebut jarang-jarang digunakan semasa pembelajaran mereka. Ia disebabkan kurangnya perbendaharaan perkataan Arab yang dikuasai oleh responden. Kelemahan yang amat ketara juga dihadapi oleh responden apabila ingin menentukan *maf'u:l bih* yang melibatkan, kata ganti nama (*dami:r*), kata tunjuk (*isim isyarat*) dan juga menentukan jumlah bilangan *maf'u:l bih* dengan tepat.

Beberapa punca kepada kesukaran ini yang dapat dikesan melalui dapatan kajian ialah:

- 1) Keliru dengan peraturan bahasa yang dipelajari. Ini kerana terdapat banyak peraturan dalam nahu yang berkaitan dengan *maf'u:l bih* yang tiada dalam bahasa ibunda responden.
- 2) Sikap responden terhadap pembelajaran yang kurang memberangsangkan. Berdasarkan kepada kekerapan alasan yang diberikan oleh responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*”, 33% daripadanya ialah “tidak mengulang kaji” dan 22% daripadanya ialah “kurang membuat latihan”. Kedua-dua alasan ini menunjukkan sikap responden yang kurang memuaskan terhadap pembelajarannya.
- 3) Pengajaran guru yang berkemungkinan kurang berkesan. Ini kerana berdasarkan kepada kekerapan alasan yang diberikan oleh responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*”, 25% daripadanya ialah alasan “keliru” dan 08% “belajar, tetapi tidak faham”. Begitu juga responden turut memilih jawapan “lain-lain” sebanyak 12% dengan alasan tidak dibiasakan dengan latihan yang melibatkan ayat-ayat al-Qur’a:n, latihan yang melibatkan *maf'u:l bih* dalam keadaan kata ganti nama (*dami:r*), kata tunjuk (*isim isya:rat*) dan perubahan pola daripada kata tunggal (*mufrad*), kata pendua (*muthanna*) dan kata nama jama' (*jama'*). Ini merupakan peratus kekerapan tertinggi di antara alasan-alasan yang dikemukakan oleh responden.

Penulis yakin bahawa kemampuan dan penguasaan yang baik dalam sesuatu tajuk mata pelajaran merupakan asas untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Oleh itu, para responden perlu mengandakan usaha mereka untuk lebih menguasai dan memahami setiap pelajaran yang didedahkan kepada mereka dan para guru juga mestilah berusaha untuk

meningkatkan mutu penyampaian mereka, agar pemahaman dan penguasaan para responden terhadap tajuk yang disampaikan akan mencapai tahap yang lebih membanggakan.